

HAKIKAT PERCERAIAN DALAM ISLAM : HALAL TETAPI DIBENCI ALLAH S.W.T.

Sharifah Faigah Syed Alwi, Abdul Khalil Mohd Khalid dan Zulkefli Mohamed
Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA Pahang

ABSTRAK

Setiap pasangan yang mendirikan rumah tangga amat berharap agar ikatan suci yang dibina akan berkekalan selama-lamanya. Namun, ketentuan mengenai ajal maut dan jodoh pertemuan manusia telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. sejak azali lagi. Terdapat ramai di kalangan pasangan yang mendirikan rumah tangga tidak dapat mempertahankan kasih sayang yang telah dibina lalu memilih jalan berpisah buat sementara atau selama-lamanya iaitu bercerai. Kebiasaan perceraian merupakan jalan terakhir yang diambil oleh pasangan suami isteri apabila menghadapi masalah dalam perkahwinan terutama jika ia melibatkan anak-anak. Allah s.w.t. amat membenci perceraian yang berlaku di antara suami isteri tetapi dalam masa yang sama menghalalkan perbuatan tersebut bila mana ia merupakan jalan terakhir yang boleh diambil bila berlaku perselisihan atau pergaduhan di antara keduanya. Kajian ini akan membincangkan mengenai hakikat perceraian dalam Islam iaitu dari segi konsep, dalil, hukum, rukun, lafadz, hikmah dihalalkan dan beberapa permasalahan yang timbul darinya. Sesungguhnya, Allah s.w.t. tidak akan menghalalkan sesuatu perkara melainkan terdapat faedah atau manfaat yang lahir darinya.

PENDAHULUAN

Institusi perkahwinan merupakan satu jalan yang mulia untuk membentuk sebuah keluarga bahagia yang terdiri daripada pasangan suami isteri yang saling sayang menyayangi dan seterusnya melahirkan zuriat keturunan manusia yang suci. Perkahwinan juga dapat memperkuatkkan tali persaudaraan di antara kedua-dua belah keluarga suami dan isteri. Namun, seandainya perselisihan berlaku di antara suami dan isteri sehingga boleh menimbulkan permusuhan, menanam babit kebencian antara keduanya atau kaum kerabat mereka sehingga tidak ada jalan lain dan jalan perdamaian yang disarankan oleh Allah s.w.t. juga menemui jalan buntu, maka perceraian adalah satu-satunya jalan terbaik bagi kedua mereka. Oleh itu, Allah s.w.t. yang bersifat maha mengetahui akan naluri semula jadi makhluk manusia yang dijadikannya telah memberikan satu jalan keluar dari permasalahan dan ketegangan yang dihadapi oleh pasangan suami isteri iaitu perceraian. Semoga dengan jalan perceraian yang diberikan oleh Allah s.w.t. tersebut akan menimbulkan ketenangan jiwa pada pasangan suami isteri yang bermasalah seterusnya memberi peluang kepada mereka untuk mencari pasangan baru yang lebih sesuai.

Konsep Perceraian Dalam Islam

Konsep ikatan perkahwinan di dalam Islam adalah diasaskan dengan kasih sayang, hormat menghormati, hubungan dan interaksi yang baik bukan sekadar di antara suami isteri malah dengan kedua-dua pihak keluarga pasangan. Ikatan perkahwinan adalah suatu ikatan janji hubungan suami isteri yang paling suci dan erat sehingga dinamakan oleh Allah s.w.t. sebagai suatu perjanjian yang kuat. Oleh itu, perkahwinan dan perceraian hendaklah dilakukan dengan cara yang paling makruf dengan mengikut peraturan tertentu Firman Allah s.w.t. yang bermaksud ;

..dan mereka (isteri-isterimu) telah mengambil dari kamu perjanjian yang kuat.

(Surah al-Nisa' : 21)

Pengertian perceraian atau talak dalam bahasa Arab bererti melepaskan ikatan. Manakala pengertian perceraian atau talak mengikut istilah syarak pula adalah melepaskan ikatan perkahwinan dengan lafadz cerai atau talak atau sebagainya(Burhanuddin Abdul Jalal et al. 1995 : 51).

Allah s.w.t. menetapkan perceraian sebagai jalan penyelesaian terakhir kepada perselisihan suami isteri di saat tidak ada cara lain mengatasinya. Ini termasuklah kegagalan proses atau langkah perdamaian suami isteri yang bersengkata oleh dua orang wakil dari pihak keluarga suami dan isteri tersebut. Seandainya suami isteri bercerai, disyariatkan pula tempoh edah ('iddah) bertujuan untuk menilai

kembali kesilapan, menimbulkan penyesalan kerana keterlanjuran dalam bertindak dan membolehkan mereka menyambung semula ikatan kasih sayang sebagai suami isteri melalui rujuk.

Tempoh edah bermaksud waktu rehat bagi perempuan yang diceraikan suami di dalam masa-masa yang ditentukan oleh syarak, baik cerai mati, cerai hidup atau edah kehilangan suami, bertujuan membersihkan rahim dari bercampur aduk (jika terus berkahwin dengan lelaki lain selepas bercerai) yang boleh menyebabkan kelahiran anak yang tidak menentu. Manakala rujuk pula bererti mengembalikan isteri yang telah diceraikan kurang dari tiga kali kepada perkahwinan asal dalam masa edah dengan syarat-syarat tertentu (Burhanuddin Abdul Jalal et al. 1995 : 69-75). Tempoh edah bagi isteri yang bercerai hidup ialah tiga kali suci atau tiga kali haid bagi wanita yang tidak hamil dan sehingga melahirkan anak seandainya seseorang isteri dicerai ketika hamil. Manakala bagi isteri yang kematian suami pula tempoh edahnya ialah selama empat bulan sepuluh hari.

Dalil-dalil Syarak Mengenai Perceraian

Di dalam al-Quran banyak ayat-ayat yang menceritakan tentang hal perceraian dan tiada terdapat satu ayat pun di mana Allah s.w.t. melarang perceraian. Begitu juga dengan Rasulullah s.a.w. yang tidak pernah melarang orang bercerai malah beliau bersabda bahawa bercerai itu halal. Di dalam ayat-ayat al-Quran yang menceritakan tentang perceraian, Allah s.w.t. dengan jelasnya mengatur bagaimana cara jika seseorang itu hendak bercerai. Ini menunjukkan bahawa bercerai itu dibolehkan tetapi hendaklah mengikut tertib serta kaedah yang telah ditentukan oleh syarak.

Dalil-dalil syarak yang menyentuh mengenai perceraian terdiri dari ayat-ayat al-Quran dan al-Hadis. Di antara ayat-ayat al-Quran dan al-Hadis tersebut ialah ;

i- Sebelum sampai ke peringkat menceraikan isterinya, Islam menetapkan agar seseorang suami mestilah melalui beberapa langkah perdamaian dan tidak terlalu terburu-buru dalam tindakannya. Ini kerana Islam dalam menganjurkan cara perceraian membawa maksud yang mendalam agar ianya tidak berlaku. Firman Allah s.w.t yang bermaksud;

Dan bergaulah dengan mereka (isteri kamu itu) dengan cara yang baik. Kemudian jika kamu (merasai) benci (disebabkan tingkah lakunya) janganlah pula kamu terburu-buru menceraikannya, kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak untuk kamu.

(Surah an-Nisa' : 19)

Firman Allah s.w.t lagi yang bermaksud;

Dan jika kamu bimbang perpecahan di antara kedua suami isteri, maka lantiklah dua orang tengah (untuk mendamaikan mereka iaitu) seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua orang tengah (dengan ikhlas) bertujuan hendak mendamaikan, nescaya Allah akan menjadikan (kedua suami isteri itu) berpaktat baik. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Amat Mendalam Pengetahuannya.

(Surah al-Nisa' : 35)

iii- Perceraian perlu dilakukan dengan secara baik. Perceraian tidak sepatutnya digunakan untuk menjatuhkan martabat isteri. Memandangkan ramai suami yang dengan mudah menggunakan kuasa cerai dengan sewenang wenangnya, hukum syarak yang ada sebagai langkah pengawal perceraian di luar mahkamah adalah langkah yang menetapi kaedah fiqh iaitu *al-Siyāsah al-Syariyyah*. Oleh itu, pihak Mahkamah Syariah di Malaysia telah menetapkan peraturan bagi seorang suami yang ingin menceraikan isteri mestilah di hadapan pihak kadi atau hakim. Islam menetapkan peraturan perceraian dengan begitu halus dan teliti agar tidak ada mana-mana pihak yang teraniaya terutama para isteri. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud;

Hai Nabi! Apabila kamu menceraikan isteri-isterimu, maka hendaklah kamu ceraikan mereka pada waktu mereka dapat menghadapi iddah mereka yang wajar

dan hitunglah waktu iddah itu serta bertakwalah kepada Allah. Janganlah kamu keluarkan mereka dari rumah mereka (selepas iddah) dan janganlah diizinkan keluar kecuali kalau mereka mengerjakan perbuatan keji yang terang...

(Surah al-Talaq : 1)

- ii- Firman Allah s.w.t. yang bermaksud ;

Talak (yang boleh dirujuk kembali itu hanya) dua kali, setelah itu bolehlah ia (rujuk dan) dipegang terus (isterinya) dengan cara yang sepatutnya (makruf) atau dilepaskannya (menceraiakannya) dengan cara yang baik.

(Surah al-Baqarah : 229)

- iv- Hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud ;

Tidak ada sesuatu perkara yang halal yang paling dibenci oleh Allah selain dari talak (perceraian).

(Riwayat Abu Daud dan Ibnu Majah)

Hukum Perceraian

Para ulama bersepakat mengatakan hukum perceraian terbahagi kepada empat berdasarkan kemaslahatan dan kemudaran yang mungkin timbul daripadanya (H.Sulaiman Rasjid 1976 : 380-381) iaitu;

- i- Wajib iaitu apabila terjadi perselisihan antara suami isteri dan dua hakim (daripada keluarga suami dan isteri) yang cuba mendamaikan ke dua mereka merasakan bahawa bercerai adalah jalan yang terbaik. Menurut Nur Hidayah (2000), wajib cerai juga berlaku dalam kes suami melakukan *ilaa* iaitu bersumpah dengan nama Allah tidak akan menyebuhinya isterinya. Dengan sumpah tersebut si isteri menderita tidak disetubuhinya dan tidak juga diceraikan. Setelah empat bulan, si suami perlu memilih sama ada membayar denda kaffarah sumpahnya seterusnya dibenarkan menyebuhinya atau si suami menceraiakan isterinya. Penyelesaian bagi permasalahan ini diberikan oleh Allah s.w.t. di dalam firmanNya yang bermaksud;

Mereka (suami) yang bersumpah terhadap isteri-isteri mereka (tidak akan mensetubuhinya) maka isteri hendaklah menunggu selama empat bulan. Sekiranya suami-suami yang bersumpah itu kembali semula (mensetubuh), sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang dan jika mereka bermaksud untuk menggugurkan talak (bercerai), maka Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

(Surah al-Baqarah :

226 – 227)

Denda kaffarah yang perlu dibayar ialah memberi sedekah makanan kepada sepuluh orang fakir miskin yang mana tiap-tiap seorang diberi secupuk makanan asasi atau memberi pakaian kepada sepuluh fakir miskin atau memerdekaan seorang hamba yang mukmin (Burhanuddin Abdul Jalal et.al. 1995 : 89).

- ii- Sunat iaitu apabila suami tidak sanggup lagi menanggung kewajipan (nafkah zahir dan batin) yang cukup ke atas isteri yang boleh menyebabkan isterinya menderita. Hukum sunat juga berlaku apabila terdapat kes di mana isteri tidak menjaga kehormatan dirinya. Hukum ini berdasarkan hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud ;

Seorang lelaki telah datang kepada Nabi s.a.w. dan berkata ; "Bahawasanya isteriku tidak menolak akan tangan orang yang menyentuhnya". Jawab Nabi s.a.w.; "Hendaklah engkau ceraikan sahaja perempuan itu.

- iii- Haram (*bid'ah*) pula berlaku dalam dua keadaan ;

- a. Keadaan pertama berlaku apabila seorang lelaki menceraiakan isteri semasa haid.

b. Keadaan kedua pula berlaku apabila seorang lelaki menceraikan isterinya dalam keadaan suci dari haid tetapi telah disetubuh ketika suci tersebut. Sepatutnya seorang suami yang mempunyai niat untuk menceraikan isterinya tidak lagi mensetubuhinya selepas ia suci dari haid (Burhanuddin Abdul Jalal et al. 1995 : 53). Ini kerana berlaku kemungkinan isteri tersebut akan hamil sedangkan suaminya telah menceraikan. Keadaan ini akan meletakkan isteri yang hamil selepas diceraikan dalam keadaan yang susah.

iv- Makruh iaitu hukum asal perceraian. Keadaan ini berlaku apabila suami menceraikan isteri yang baik dan tidak pernah membuat kesalahan. Tetapi dengan tidak semena-mena suami menceraikan isterinya kerana sebab-sebab yang lemah alasan. Contoh alasan yang lemah tersebut ialah suami hendak berkahwin seorang lagi lalu menceraikan isterinya. Jenis cerai sebeginilah yang dikatakan boleh menyebabkan bergoncangnya ‘Arasy Allah s.w.t. akibat kemurkaaNya.

Hikmah Kuasa Cerai Di Tangan Lelaki

Menurut Dr. Haron Din (1988), perceraian mempunyai 3 asas yang utama iaitu ;

- i- Orang yang menceraikan (suami)
- ii- Orang yang dicerai (isteri)
- iii- Perkataan atau lafaz cerai.

Islam pada asasnya meletakkan kuasa untuk menceraikan atau menjatuhkan talak ke atas suami walaupun isteri juga mempunyai kuasa cerai secara tidak langsung seperti dalam kes menuntut fasakh, menebus talak (*khulu’*) dan sebagainya. Terdapat beberapa hikmah yang dapat dikenal pasti di atas pemberian kuasa cerai oleh Allah s.w.t. kepada lelaki (Dr. Haron Din et al. 1988 : 281) iaitu ;

i- Lelaki mempunyai hak kepimpinan dan pengendalian dalam urusan rumah tangga dan ia bertanggung jawab penuh dalam urusannya.

ii- Secara umumnya lelaki lebih cermat dan lebih tabah hati menempuh kesulitan jika dibandingkan dengan perempuan dan ia mempunyai pandangan yang jauh dalam urusan rumah tangga dan urusan lainnya. Di sini bukanlah bererti Islam memandang rendah darjat kaum perempuan bahkan mereka memegang peranan yang penting juga di dalam masyarakat iaitu mengikut kadar yang patut dan bersesuaian dengan keadaan mereka.

iii- Menurut Nur Hidayah (2000), Islam memberi hak cerai atau talak kepada lelaki kerana lelaki lebih berhati-hati dalam menjaga dan memelihara kelangsungan rumah tangga. Di samping itu, lelaki yang perlu atau bertanggung jawab untuk membayai sesebuah perkahwinan. Seandainya berlaku perceraian dan lelaki tersebut ingin kahwin semula, maka ia perlu mengeluarkan belanja. Lelaki juga perlu membayar segala perbelanjaan berhubung dengan perceraian seperti nafkah isteri dalam edah dan tanggung jawabnya semakin berat jika melibatkan nafkah dan tanggung jawab terhadap anak-anaknya dengan isteri yang diceraikan.

Seseorang lelaki yang dikurniakan Allah s.w.t. dengan kelebihan akal dan fizikal berbanding wanita seharusnya lebih sabar, mengalah dan menahan diri serta tidak mudah menceraikan isteri kerana marah atau apabila berlaku pertengkaran kecil. Terdapat juga kes di mana suami sengaja berlaku zalim dan menindas isteri dengan harapan isterinya meminta cerai seterusnya membolehkan suami menuntut kembali apa sahaja yang pernah diberikan kepada isteri. Perbuatan suami sebegini merupakan dosa besar sebagaimana ditegaskan Allah s.w.t. dalam firmanNya yang bermaksud;

...Dan janganlah kamu menyusahkan mereka (isteri-isteri) kerana hendak mengambil kembali sebahagian dari apa yang telah kamu berikan kepadanya (mahar atau lainnya) terkecuali bila mereka melakukan pekerjaan keji yang nyata. Dan bergaullah dengan mereka dengan cara yang patut. Kemudian bila kamu tidak menyukai mereka (maka bersabarlah) kerana mungkin kamu tidak menyukai sesuatu, padahal Allah menjadikan padanya kebaikan yang banyak.

(Surah al-Nisa’ : 19)

Perlu diingat bahawa suami sememangnya memiliki hak cerai tetapi isteri memiliki hak meminta cerai. Seseorang isteri boleh mengemukakan fasakh kepada hakim agama atau kadi untuk bercerai dengan

suaminya dengan alasan-alasan yang dibenarkan oleh syarak seperti terdapat kecacatan suami atau isteri seperti penyakit gila, sopak dan sebagainya. Alasan lain yang dibenarkan syarak ialah seperti suami menghilangkan diri bertahun lamanya dan tidak diketahui hidup atau mati, suami murtad, suami tidak mampu memberi nafkah zahir batin kepada isterinya dan sebagainya. Namun begitu, selaras dengan hadis Rasulullah s.a.w. bahawa Allah s.w.t. amat membenci perceraian maka jika berlaku perselisihan di antara suami dan isteri beberapa perkara perlu dilaksanakan sebelum perceraian. Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Nisa' ayat 35 jelas membuktikan bahawa Allah s.w.t. memerintahkan agar para pendamai di antara suami isteri yang berselisih perlu diwujudkan untuk tujuan perdamaian di antara keduanya dan bagi mengelakkan berlakunya perceraian dengan begitu mudah.

Kepelbagaiannya Cara Dan Lafaz Perceraian

Perceraian terjadi dengan cara yang menunjukkan berakhirnya hubungan suami isteri sama ada dinyatakan dengan perkataan, tulisan, melalui wakil atau dengan isyarat bagi orang yang tidak boleh bercakap (Mohamad Rifai 1981: 483-485).

a. Perceraian Atau Talak Dengan Perkataan

Ia terbahagi kepada iaitu talak yang nyata (*soreh*) dan talak secara sindirin (*kināyah*).

i- Talak Nyata (Soreh)

Ia merupakan lafaz cerai dengan menggunakan lafaz yang jelas menunjukkan hasrat bercerai iaitu dengan menggunakan perkataan 'talak' dan 'cerai'. Contohnya seorang suami mengucapkan kepada isterinya "Aku talakkan engkau..." atau "Aku ceraikan engkau.." atau "Hai orang yang kena talak!" Lafaz talak jenis ini tidak memerlukan kepada niat kerana perkataan yang digunakan begitu jelas maksudnya kepada pendengar.

ii- Talak Sindirin (Kināyah)

Ia merupakan lafaz cerai dengan menggunakan perkataan tidak jelas bahkan mempunyai lebih dari satu makna. Talak jenis ini memerlukan niat dari orang yang melafazkannya. Sekiranya dia bermaksud talak maka jatuhlah talak. Sebaliknya jika dia tidak bermaksud talak maka tidak jatuh talak. Contohnya seorang berkata kepada isterinya, "Engkau terpisah....." Adakah ia bermaksud cerai atau sekadar berpisah sebentar kerana akan berpergian jauh. Contoh lain ialah "Engkau haram bagiku....." Boleh bermaksud cerai atau mungkin dia menahan sesuatu dari diberikan kepada isterinya. Apabila bergaduh mungkin suami ada berkata "Baliklah engkau ke rumah mak bapak kau", "Pergilah berambus dari rumah ini", "Kahwinlah engkau dengan orang lain!", "Saya sudah tidak berhajat lagi dengan awak!" dan seumpamanya yang tidak disebutkan dengan jelas maksud perkataan tersebut. Maka suami hendaklah diminta memberi penjelasan sama ada perkataannya itu dengan niat cerai atau talak atau sebaliknya.

b. Perceraian Atau Talak Dengan Tulisan

Tulisan yang mempunyai perkataan jelas menunjukkan talak ditulis oleh suami dan dibaca selepas ditulis sama kedudukannya seperti lafaz nyata (*soreh*). Contohnya apabila seorang suami menulis, "Saya, Ahmad bin Abu dengan ini mentalakkann isteri saya Salma binti Ali dengan talak satu". Kemudian tulisan itu dibaca dan dihantar kepada isteri dengan alamat dan nama isteri yang betul samada melalui amalan biasa atau melalui media elektronik. Sekiranya tidak dibaca setelah ditulis atau tidak mempunyai nama dan alamat yang betul maka ia menjadi talak sindiran atau *kināyah*. Keterangan dari suami perlu diambil untuk mengetahui maksudnya yang sebenar.

Perceraian Atau Talak Dengan Isyarat

Ia khusus untuk orang bisu yang mengisyaratkan dia menceraikan isterinya. Sebahagian ulama mensyaratkan si bisu atau orang yang tidak boleh berkata-kata itu tidak boleh menulis. Sekiranya dia boleh menulis maka isyaratnya tidak mencukupi dan dia dikehendaki supaya menuliskan lafaz talaknya.

c. Perceraian Atau Talak Dengan Wakil Atau Utusan

Talak dianggap sah dengan mengirim seorang utusan untuk menyampaikan kepada isterinya yang berada di tempat lain bahawa dia telah ditalak atau dicerai. Utusan itu bertindak sebagai orang yang mentalak. Contohnya seseorang bernama Abu berkata kepada wakilnya, "Wahai utusanku Ali, katakan kepada isteriku Salma bahawa aku telah mentalakkannya dengan talak satu". Si utusan iaitu Ali apabila bertemu dengan Salma lalu ia berkata, "Wahai Salma, suamimu Abu telah mentalakkan kamu dengan talak satu". Maka dengan itu sahlah talaknya.

Bilangan Perceraian Yang Dibenarkan Dan Rahsianya

Semasa zaman jahiliyyah dahulu, bilangan perceraian tiada hadnya. Seorang lelaki boleh menceraikan isterinya sebanyak mana yang disukainya dan merujuknya kembali sebelum luput tempoh edah atau 'iddah (Sayid Sabiq 1990:16). Perkara ini diadukan oleh seorang wanita yang terlibat kepada Saidatina Aisyah r.a. yang kemudiannya diadukan kepada Rasulullah s.a.w. Baginda s.a.w. terdiam sebentar sehinggalah turun ayat al-Quran yang bermaksud;

Talak (yang boleh dirujuk kembali itu hanya) dua kali, setelah itu bolehlah ia (rujuk dan) dipegang terus (isterinya) dengan cara yang sepatutnya (makruf) atau dilepaskannya (menceraikannya) dengan cara yang baik.

(Surah Baqarah : 229)

Al-

Berdasarkan kepada ayat di atas, talak yang dibenarkan rujuk dalam tempoh edah ialah dua kali sahaja iaitu talak satu dan talak dua. Jika talak ketiga dijatuhkan maka suami tidak boleh rujuk semasa edah malah suami tidak boleh menikahinya dengan nikah yang baru setelah habis edah talak tiga tersebut. Bekas suami hanya boleh mengahwini bekas isteri yang telah ditalak tiga itu setelah isteri tersebut berkahwin dengan orang lain, kemudian mereka bercerai dan tamat edah si isteri dengan suami yang kedua itu. Manakala perceraian dibenarkan sehingga tiga kali kerana ia mempunyai rahsianya yang tersendiri (Dr. Haron Din et al. 1988 : 281) :

- i. Untuk memberi kesempatan bagi kedua-dua pihak mencari jalan penyelesaian dan bersefahaman semula;
- ii. Seseorang yang bercerai mungkin menyesal dan menyedari kesilapan-kesilapan yang telah berlaku, jadi dalam tempoh edah dapat pasangan bercerai tersebut mencari jalan perdamaian dan menegakkan semula rumah tangga yang roboh itu dengan lebih kuat; dan
- iii. Tempoh talak sebanyak tiga kali itu adalah memadai dan adil untuk menentukan keputusan muktamad dalam hubungan suami isteri.

Jika dilihat hikmah edah cerai kali pertama dan kedua dalam Islam ialah si isteri harus tetap tinggal di rumahnya selama waktu edah iaitu tiga kali suci atau tiga kali haid bagi wanita yang tidak hamil dan sehingga melahirkan anak seandainya seseorang isteri diceraikan ketika hamil selama mana isteri tidak pernah melakukan perbuatan yang keji dan tidak senonoh (Nurhidayah 2000 : 272). Ini bertujuan untuk menimbulkan kesedaran dan kekesalan di hati suami yang telah menceraikan isterinya dan peluang untuk rujuk semula mungkin cerah.

Rasional Allah s.w.t Menghalalkan Perceraian

Pakar perubatan, psikologi, pendidikan dan lain-lain pengkaji tentang manusia sependapat menyatakan lelaki dan wanita memang berbeza. Perbezaan ini bukan sahaja pada anatomi jasmaninya malah pada akal dan jiwanya (In`am Shuf-shuf 1997 : 1).

Hakikatnya perbezaan ini dijadikan oleh Allah s.w.t. bertujuan agar lelaki dan perempuan dapat saling bekerja sama dan saling melengkapi. Ini bukan bermakna salah satu atau kedua-duanya mempunyai kecacatan atau kelemahan (al-Mulk 67 : 3) sebaliknya ia merupakan “*sunnatullah*” atau “hakikat kejadian penciptaanNya”. Dwi kejadian ciptaan Allah s.w.t. ini mempunyai perbezaan dan peranan masing-masing yang unik (Yasin 36 : 36). Persoalan siapa memiliki siapa tidak sepatutnya timbul kerana peranan dan kedudukan lelaki dan perempuan masing-masing berbeza. Tuntutan seperti emansipasi dan seumpamanya adalah melencung dari fitrah manusia. Perbezaan tersebut ditentukan oleh Allah s.w.t. agar kehidupan dan peranan antara manusia terjalin dengan baik dan teratur. Ianya amat penting bukan sahaja untuk kebahagiaan rumah tangga yang terbina malah bagi kesinambungan keamanan sosial keseluruhannya.

Sekiranya peranan dan tujuan suci perkahwinan iaitu berteraskan kasih sayang, persefahaman, pergaulan baik dan saling melengkapi tidak berlaku dengan sewajarnya, maka penyelesaian terbaik perlu diusahakan. Selepas perundingan dan segala ikhtiar murni memulihkan kekeruhan gagal, maka perceraian terpaksa diterima walaupun itu merupakan jalan yang paling dibenci oleh Allah s.w.t. Berbanding lelaki, wanita sebenarnya mempunyai lebih banyak senjata dan godaan untuk memenuhi hasrat peribadinya yang boleh menimbulkan pelbagai jenis fitnah (Abdul Mun'im Qindil 1989 : 5-16). Wanita sebegini sepatutnya ditangani secara bijaksana dan penuh hikmah oleh para lelaki terutamanya para suami. Hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud;

*Hendaklah kamu (wahai kaum lelaki) menasihati isteri-isteri kamu secara baik.
Sesungguhnya wanita itu diciptakan dari tulang rusuk yang bengkok.*

Sekiranya berlaku masalah yang tidak ada jalan penyelesaian di antara suami dan isteri selain perceraian, maka Allah s.w.t. menghalalkan penyelesaian tersebut. Ini amat penting bagi mengelakkan masalah yang lebih besar dari berlaku secara berpanjangan dan juga bagi menutup jalan kezaliman terhadap suami, isteri, anak-anak dan individu lain yang berkaitan. Di antara hikmah-hikmah perceraian yang dibenarkan oleh Allah s.w.t. adalah seperti berikut :

i. Menutup Jalan Kezaliman

Suami diiktiraf oleh Allah s.w.t. sebagai pelindung yang menaungi isteri dan keluarganya (Surah an-Nisa' 4 : 34). Namun, kadang kala disebabkan kejahilan dan kedegilan suami boleh menjadikannya zalim terhadap isteri dan anak seperti membenci isteri yang mandul lalu menzaliminya. Terdapat juga suami yang mengabaikan tanggung jawab nafkah di dalam rumah tangga sehingga menjadikan isteri dan anak-anak amat terseksa. Oleh itu, kehidupan mereka lebih aman tanpa suami atau ayah yang tidak bertanggung jawab seperti penagih dadah dan seumpamanya. Terdapat juga keadaan di mana isteri dan anak-anak berhadapan dengan sifat suami atau ayah yang boleh mencederakan dan mengancam nyawa. Seandainya keadaan ini berlaku, isteri boleh bercerai dengan suaminya demi memelihara nyawa dan keselamatan diri dan anak-anaknya..

ii. Melepaskan Belenggu Suami Dan Isteri

Isteri boleh menjadi seorang yang menimbulkan masalah kerana mengabaikan tanggung jawab kepada Allah s.w.t. dan suaminya. Terdapat keadaan di mana perbuatan isteri boleh menambahkan dosa kepada suaminya seperti enggan menutup aurat bila keluar rumah walau pun disuruh oleh suami, enggan solat dan seumpamanya. Ini mungkin berpunca daripada kedudukan sosial isteri yang lebih tinggi atau gaji yang lebih besar atau seumpamanya. Sekiranya suami tidak mampu membetulkan perjalanan isteri yang degil ke jalan Allah, dosa tersebut akan terpikul juga ke bahu si suami dan perceraian adalah untuk menyelamatkan suami daripada terus menanggung dosa dayus beliau sepermintaan sabda Rasulullah s.a.w bermaksud ;

..lelaki yang dayus tidak akan memasuki syurga.”

iii. Mengelakkan Penyakit

Selain menjaga maruah dan kesucian keturunan, perceraian juga memisahkan kategori seks rambang dan pengamal kesucian. Suami yang melakukan seks tidak halal mahu pun isteri berkemungkinan besar menularkan berbagai jenis penyakit kelamin. Malah penyakit hati seperti dendam, dendki dan cemburu juga turut bersama dan memungkinkan perbuatan terkutuk hingga pembunuhan. Oleh itu, adalah lebih baik jika terdapat suami atau isteri yang mempunyai pasangan yang tidak boleh diubah kelakuan buruk iaitu suka mengamalkan seks bebas cuba melepaskan diri dari ikatan perkahwinan tersebut bagi mengelakkan bahaya penyakit kelamin atau penyakit berbahaya yang bakal menimpa dirinya di kemudian hari.

iv. Memuliakan Wanita

Walaupun perkahwinan merupakan perkara yang besar dalam kehidupan, kadang kala ia tidak berjalan seperti yang dirancang dan diharapkan. Masalah biasa rumah tangga adalah asam garam kehidupan, namun perubahan jalan hidup diperlukan sekiranya perkahwinan itu ternyata merupakan suatu kesilapan besar bagi pasangan suami dan isteri. Wanita juga mempunyai hak dan kehormatan yang perlu diakui oleh lelaki sekiranya keadaan terdesak ke arah perpisahan (Manderson 1981 : 24 - 25). Tradisi membenggu wanita di bawah cengkaman lelaki bukanlah falsafah sebenar kepimpinan lelaki, kerana ayat al-Quran mengangkat darjah lelaki yang memimpin dan bukannya memerintah golongan wanita. Dengan pensyariatan cerai, jalan hidup sedemikian masih berpeluang diperbaiki.

v. Pendidikan Anak-anak

Masa depan anak-anak sebenarnya tidak boleh dikatakan terjamin walaupun perceraian dilarang ketika keluarga mereka dalam keadaan tidak stabil. Jika keadaan yang rosak itu dibiarkan berlarutan, ia mungkin akan menimbulkan padah yang lebih buruk. Anak-anak juga boleh menjadi bertambah liar atau sebaliknya apabila memerhatikan pergaduhan dan perselisihan ibu bapa mereka. Mereka mungkin mendapat trauma yang berpanjangan hasil igauan buruk dan pengalaman pahit mereka. Dengan perceraian, perhatian boleh ditumpukan oleh ibu atau bapa kepada masalah anak-anak mereka. Dalam suasana seperti yang telah dinyatakan, Allah s.w.t. yang bersifat Maha Mengetahui telah membuka jalan keluar membenarkan perceraian sebagai jalan terakhir. Sekiranya perceraian dihalang, kerosakan moral dan pengabaian tanggung jawab kekeluargaan akan lebih galak (Hassan Salleh 1989 : 145). Oleh itu, masalah penyakit moral dan lain-lain gejala sosial akan lebih merebak dengan meluas sekiranya suasana ini berlaku.

Beberapa Isu Perceraian

a. Talak Melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS)

Isu cerai melalui SMS menimbulkan polemik yang pelbagai di kalangan masyarakat. Isu ini menjadi lebih hangat apabila pihak media turut memberi tumpuan terutama apabila Mahkamah Rendah Syariah Gombak Timur yang mengesahkan dan mensabitkan perceraian pasangan suami isteri Shamsuddin Latif dan Azida Fazlina Abdul Latif yang dikirim melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS).

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Kali Ke-55 yang bersidang pada 27 Julai 2003 telah membuat penelitian mendalam dan memberi pandangan mengenai hukum perceraian melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) seperti berikut;

- i. Talak dalam bentuk tulisan yang jelas daripada suami yang ditujukan kepada isterinya secara khusus seperti melalui faksimili, SMS, e-mail dan sebagainya merupakan talak berbentuk *kināyah* dan adalah sah sekiranya disertai dengan niat.
- ii. Semua perceraian perlu dikemukakan ke Mahkamah Syariah untuk mensabitkan talak tersebut.

- iii. Talak yang dilakukan dengan menggunakan alat komunikasi moden adalah kaedah perceraian yang tidak menepati adab perceraian yang digariskan oleh syarak.

b. Persoalan ‘Cina Buta’

Terdapat pasangan suami isteri yang sudah bercerai dengan talak tiga ingin rujuk kembali sedangkan syarak tidak membenarkan rujuk atau kahwin semula dalam keadaan tersebut demi menjaga kepentingan isteri agar tidak dipermainkan oleh suaminya. Ini kerana terdapat suami yang terlalu mudah menceraikan isteri tanpa mengira hati dan perasaan isteri yang diceraikan. Pasangan suami isteri yang telah bercerai dengan talak tiga ini tidak boleh rujuk atau kahwin semula kecuali apabila bekas perempuan tersebut bernikah dengan orang lain dan telah diceraikan oleh suami yang kedua. Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Baqarah, ayat 230 yang bermaksud ;

Maka jika diceraikannya (oleh suami kedua) tidaklah berhalangan bagi suami pertama kembali kepada bekas isterinya itu jika kedua-duanya bersangka baik untuk keredhaan Allah.”

Isteri yang telah diceraikan dengan talak tiga jika berkahwin dengan lelaki lain disyaratkan mesti bersetubuh terlebih dahulu dengan suami keduanya itu. Perlu diingat bahawa keduanya mestilah berkahwin benar-benar dengan kemauan sendiri dan bukan kerana hendak membolehkan suami pertama mengahwini semula bekas isterinya seperti mana yang banyak berlaku dalam masyarakat melayu hari ini (Burhanuddin Abdul Jalal et.al. 1995 : 58). Jika suami pertama merancang dengan suami kedua agar dia hanya berkahwin dengan perempuan itu tanpa mensetubuh seterusnya menceraikan maka perbuatan itulah yang dipanggil ‘cina buta’. Perbuatan dengan niat sebegini adalah berlawanan dengan ajaran Islam dan ditegah oleh Rasulullah s.a.w. dalam hadisnya yang bermaksud ;

Telah mengutuki Rasulullah s.a.w. akan orang yang membuat muhallil (cina buta), begitu juga kepada yang menyuruh membuat cina buta itu (lelaki yang pertama).

(Riwayat Ahmad, Nasa'i dan Tirmizi)

c. Lafaz Cerai Berbentuk Gurauan

Perkataan cerai tidak boleh dibuat gurauan atau sendaan. Seandainya seorang suami bermain perkataan cerai terhadap isteri sama ada dalam keadaan biasa atau dalam satu lakonan atau drama, sandiwara atau sebagainya, maka gugurlah cerai atau talak ke atas isterinya (Burhanuddin Abdul Jalal et.al. 1995 : 59). Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud;

Tiga perkara yang disungguh-sungguhkan menjadi sungguh dan dipermain-mainkan pun menjadi sungguh iaitu nikah, talak dan rujuk.

d. Suami Mengaku Bujang Atau Duda

Seorang suami yang mempunyai isteri dan mengaku bujang atau duda apabila ditanya oleh teman wanita atau kawan-kawannya, maka jatuh talak jika sekiranya ia berniat menceraikan isterinya. Namun , seandainya suami tersebut tidak berniat untuk menceraikan isterinya maka tidak jatuh talak. Oleh itu, si isteri yang mengetahui tindakan dan perangai si suami perlu mengambil tindakan melaporkan ke Pejabat Agama yang berhampiran untuk tindakan selanjutnya bagi mendapatkan pengesahan daripada Mahkamah Rendah Syariah.

KESIMPULAN

Pembubaran perkahwinan bukanlah sesuatu yang digalakkan oleh Islam, ia merupakan suatu perkara halal yang paling dibenci oleh Allah. Walau bagaimanapun perceraian dibenarkan sebagai langkah terakhir untuk menyelesaikan perbalahan hebat di antara kedua suami isteri. Oleh itu jika suami atau isteri mendapati perceraian merupakan jalan terakhir bagi menamatkan krisis rumah tangga, ia mestilah dilakukan dengan penuh adab demi untuk memelihara kepentingan dan kebijakan semua pihak terutama jika ia melibatkan kepentingan anak-anak.

Setiap pasangan yang berkahwin sepatutnya memahami ilmu berkaitan perceraian. Ini amat penting agar ilmu tersebut dapat dijadikan panduan di dalam pergaulan di antara suami dan isteri terutama tentang niat dan lafaz cerai. Apa yang paling ditakuti ialah apabila seseorang suami telah melafazkan perkataan atau melakukan perbuatan yang menyebabkan isterinya terceraai tanpa disedari disebabkan kecetekan dan kejahanan ilmu. Walau bagaimanapun, setiap pasangan suami isteri yang bermasalah dalam perhubungan mereka seharusnya sentiasa bersikap rasional dan tidak terlalu mengikut perasaan dalam segala tindakan mereka kerana ditakuti perbuatan atau perkataan mereka akan menimbulkan penyesalan di kemudian hari.

RUJUKAN

- Abdul Mun'im Qindil. (1989). *Fitnah Wanita Senjata Untuk Menggoda Lelaki (Fitnatun Nisa')*, (terj.) M.Masruh Ahmad. Kuala Lumpur : Pustaka Al-Mizan
- Burhanuddin Abdul Jalal et. al. (1995). *Keluarga Muslim*. Kuala Lumpur : Kor Agama Angkatan Tentera Kementerian Pertahanan Malaysia.
- Hassan Salleh. (1989). *Asas kekeluargaan Islam Bahasan Empat Mazhab: Syafi'I, Hanafi, Maliki dan Hanbali*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Haron Din, et.al. (1988). *Manusia Dan Islam*. Cet. 3. Kuala Lumpur : Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- H.Mohd Rifai. (1981). *Ilmu Fiqh Islam Lengkap.*, Singapura : Pustaka Nasional.
- H.Sulaiman Rasjid. (1976., *Fiqh Islam*. Jakarta : Attahiriyah.
- In'am Shuf-shuf. (1997). *Kepimpinan Wanita Dalam Keluarga Dan Masyarakat Menurut Kacamata Islam*, (terj.) Ahmad Asri Lubis, Batu Caves: Pustaka Ilmi
- al-Jazairi, A. B. (1969). *Minhaj al-Muslim*. Cet. 2. Madinah al-Munawwarah : Matbaah Syaaraku.
- Manderson, L. (1981). *Wanita, Politik dan Perubahan*, (terj.) Samsudin Jaapar. Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Nur Hidayah Abdullah. (2000). *Fardhu 'Ain Khusus Wanita*.Cetakan 5.Kuala Lumpur : darl Nu'man.
- Sayid Sabiq. (1990). *Fikih Sunnah*. Jil.8. Kuala Lumpur : Victory Agencie.
<http://www.islam.gov.my/e-rujukan/sms.pdf>